



Malaysian
Aviation Commission
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

EMBARGO: Tidak boleh diterbitkan atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum 12 tengah hari, 16 Disember 2024.

16 Disember 2024

SIARAN MEDIA GABUNGAN

PERKESO DAN MAVCOM JALIN KERJASAMA BAGI MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN DALAM INDUSTRI PENERBANGAN

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BAHARU BERTUJUAN UNTUK MELINDUNGİ PEKERJA PENERBANGAN DARIPADA CARUMAN TERTUNGGAK

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bersetuju untuk bekerjasama bagi bertukar maklumat mengenai kewajipan berkanun penyedia perkhidmatan penerbangan kepada PERKESO melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini.

Kerjasama ini, yang merupakan usaha pertama MAVCOM dengan badan berkanun untuk mempercepatkan prosedur penguatkuasaan, membolehkan Suruhanjaya menjalankan siasatan awal dan menangani ketidakpatuhan di kalangan pemegang lesen dan permit industri penerbangan.

PERKESO pula menyasarkan untuk membina ekosistem yang menyeluruh dalam sektor penerbangan bagi kebolehpasaran pekerjaan, penempatan, dan latihan industri dengan memanfaatkan Portal MYFutureJobs dan Program *Active Labour Market* yang sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata, "MoU ini memperkuatkkan pematuhan terhadap tiga (3) rangka kerja perundangan yang penting. Dua (2) daripadanya adalah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800), yang memastikan perlindungan menyeluruh serta caruman yang adil dan saksama bagi semua pemegang lesen dalam sektor penerbangan. Selain itu, ia turut merangkumi pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771], yang menetapkan syarat-syarat pelesenan bagi penyedia perkhidmatan industri penerbangan di Malaysia."

“Kerjasama kami dengan MAVCOM memperkenalkan penyelesaian inovatif untuk menangani cabaran semasa dalam industri dan pada masa yang sama, mengurangkan kadar pengangguran negara. Kami memberi keutamaan kepada penempatan pekerja mahir Malaysia dalam peranan kritikal, yang secara efektifnya akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, di samping mengekalkan piawaian tinggi industri.

“Tonggak utama kerjasama strategik ini ialah *National Career Exploration Centre* (NPCEC) yang akan dilancarkan pada tahun 2025. Inisiatif menyeluruh ini merangkumi tiga (3) komponen utama: pusat fizikal yang menyediakan perkhidmatan sokongan secara langsung, platform *Metaverse* NPCEC yang inovatif untuk pencarian kerjaya secara digital, dan Karnival Kerjaya *Metaverse* yang merapatkan jurang maya antara pencari kerja dan majikan.

“NPCEC akan berfungsi sebagai hab bantuan pekerjaan, menyediakan maklumat penting mengenai pasaran buruh serta panduan peralihan bagi pelajar dan graduan yang ingin memasuki sektor penerbangan.”

MoU ini telah ditandatangani oleh Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim, Pengurus Eksekutif MAVCOM.

Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim berkata, “Kerjasama ini merupakan langkah pertama ke arah memperkuatkkan kadar pematuhan serta mempercepatkan tindakan penguatkuasaan terhadap penyedia perkhidmatan penerbangan yang gagal menjelaskan caruman berkanun. Inisiatif ini menetapkan piawaian pematuhan dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi. Saya memuji PERKESO atas komitmen mereka dalam kerjasama ini yang menekankan matlamat bersama kami untuk melindungi kebajikan tenaga kerja dalam industri penerbangan.”

Beliau menambah, “Suruhanjaya turut menggalakkan pekerja dalam sektor penerbangan yang memegang lesen atau permit yang dikeluarkan oleh MAVCOM untuk melaporkan sebarang salah laku melalui Borang *Whistleblower* yang tersedia di laman web kami, www.mavcom.my. Platform yang selamat dan sulit ini diwujudkan untuk melaporkan sebarang salah laku, ketidakpatuhan, atau salah urus dalam industri penerbangan

Malaysia. Sebagai pengawal selia ekonomi dan komersial dalam sektor penerbangan, kami akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang ketidakpatuhan.”

Sempena pemeteraian MoU, PERKESO telah menganjurkan Karnival Kerjaya Penerbangan Mini MYFutureJobs yang menampilkan lima (5) pemain utama industri – Menzies Aviation Malaysia, Turkish Aerospace Malaysia, Ikhlas.com, Santan (AirAsia Group), dan APR - Aviation Training Centre, dengan menawarkan 160 peluang pekerjaan merangkumi 16 kategori khusus. Inisiatif ini berfungsi sebagai platform strategik untuk menghubungkan bakat-bakat di Malaysia dengan peluang pekerjaan berkualiti dalam sektor penerbangan.

TAMAT

###

About PERKESO

PERKESO is a government agency that provides social protection to private sector employees, statutory bodies/government employees, self-employed individuals, and housewives, as well as their dependents, against unforeseen circumstances. This protection covers accidents, disabilities, illnesses, death, and loss of employment. The scheme is based on social insurance, guided by the principles of 'Caring' and 'leaves no one behind.' PERKESO operates through 54 offices, 5 rehabilitation centres, and 293 MYFutureJobs One Stop Centres across Malaysia. Visit www.perkeso.gov.my or contact the Customer Service Centre at 1300 22 8000.

About MAVCOM

MAVCOM is an independent body set up on 1 March 2016 under the Malaysian Aviation Commission Act 2015 to regulate economic and commercial matters relating to civil aviation. The Commission's goal is to promote a commercially viable, consumer-oriented and resilient aviation industry which supports the nation's economic growth. For more information, go to www.mavcom.my

**For media enquiries, please contact PERKESO's Corporate Communications and Affairs Division:
16 December 2024**

For media enquiries, please contact:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

For media enquiries, please contact MAVCOM's Public Affairs team:

T: +603 2772 0668 / 0661 / 0674

E: comms@mavcom.my